

02 JAN 2003

PEMUDA UMNO MAHU KERAJAAN KAJI SEMULA HUBUNGAN DUA HALA DGN SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Pemuda Umno mahu kerajaan mengkaji semula pendekatan dalam hubungan dua hala dengan Singapura, dengan mengutamakan kepentingan nasional negara dalam segala urusan dengannya.

Penolong Setiausaha Pemuda Umno Zulkifli Mohd Alwi berkata: "Ini kerana Singapura bersikap terlalu mengutamakan kepentingan negaranya tanpa menghiraukan semangat kejiranan tulen dalam isu-isu dua hala dengan Malaysia selama ini."

"Singapura sudah banyak kali membelakangkan semangat kejiranan dengan Malaysia, termasuk isu bekalan air, persempadanan, keamanan dan perdagangan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata republik itu hanya mementingkan keuntungan sendiri dan sering kali bertindak serta membuat kenyataan yang menyinggung perasaan rakyat Malaysia.

"Terbaru, Perdana Menteri Singapura mengajak rakyatnya mengetepikan isu Pulau Batu Puteh, malah menganggap lokasi strategik perairan selatan Semenanjung itu sebagai wilayah negara mereka," katanya.

Katanya pergerakan itu menyambut baik pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam semua isu dua hala dengan Singapura.

Pemuda Umno juga menyokong ketegasan kerajaan untuk mempertahankan kedaulatan wilayah negara sekiranya menghadapi sebarang pencerobohan dan serangan mana-mana pihak luar, katanya lagi.

-- BERNAMA

HK ZS ROS